

# PM puji kesederhanaan Raja Nazrin

BH- 14/5/2007

**P**ANTAI REMIS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam memuji Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah sebagai seorang raja berjiwa rakyat yang sentiasa mengutamakan pembangunan dan kebajikan rakyat.

Perdana Menteri berkata, Raja Dr Nazrin sememangnya berjiwa rakyat, walaupun dilahirkan di istana.


"Saya pernah bersempang pelbagai isu...dan memang baginda memberi perhatian kepada hal berkaitan pembangunan dan kebajikan rakyat khususnya di Perak," katanya.

Abdullah mengulas keputusan Raja Dr Nazrin menolak dengan hormat peruntukan kewangan kerajaan untuk urusan perkahwinan baginda dengan Zara Salim Davidson di Bandar Diraja Kuala Kangsar, Khamis ini.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media selepas menyertai gotong-royong Program Khidmat Komuniti anjuran Kelab Penyokong Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) di Batu 4, Segari, dekat sini, semalam.

Abdullah berkata, beliau pernah beberapa kali berbual dengan Raja Dr Nazrin mengenai pelbagai isu dan baginda sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan dan kebajikan rakyat.

Kelmarin, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dilaporkan berkata, Raja Dr Nazrin tidak memberi perkenan kepada kerajaan negeri mengeluarkan perbe-



**INGIN CUBA:** Abdullah meletakkan bata sambil diperhatikan ahli BNBBC ketika menyertai program Khidmat Komuniti BNBBC di Kampung Tanjung Burung, Hujung Pasir, di Pantai Remis, semalam.

lanjauan perkahwinan baginda.

Tajol Rosli berkata, selaku Ketua Eksekutif kerajaan negeri, beliau menghargai keperibadian dan pakeriti Raja Muda Perak atas keprihatinan baginda tidak memberi perkenan kepada kerajaan negeri mengeluarkan

perbelanjaan untuk urusan perkahwinan baginda.

Beliau berkata, Raja Dr Nazrin, sebaliknya menasihatkan kerajaan negeri membelanjakan peruntukan itu untuk projek pembangunan bagi memenuhi keperluan rakyat.

Beliau berkata, Raja Muda Perak juga menitahkan bahawa segala perbelanjaan kerajaan akan ditanggung oleh baginda sendiri dan perbelanjaan untuk jamuan rakyat juga diserahkan tuntutan bayarannya kepada baginda.